



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

Tarikh : 29 November 2022 (Khamis)
Masa : 2.30 petang – 5.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Datuk Haji Mohd Sufian bin Sulaiman
Ketua Pengarah Perikanan - Pengerusi
2. Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan - Ahli
3. Puan Shamila binti Zainol
Pengaroh Bahagian Pembangunan Modal Insan - Ahli
4. Puan Liza binti Long
Pejabat Perikanan Laut Sarawak - Hadir atas talian
5. Puan Nur Ilyani binti Md Aris
Bahagian Khidmat Pengurusan - Setiausaha Pengurusan
(Pencatat Minit)
6. Puan Agnes Caroline Anak Gibea
Bahagian Khidmat Pengurusan - Ahli
7. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
Bahagian Pembangunan Modal Insan
8. Mohd Izzat Hafiz bin Mohd Yazid Zihar
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas Talian
9. Puan Mas Ayu binti Johari
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
10. Puan Wajeehah binti Mohd Ghazali
Bahagian Khidmat Pengurusan - Hadir atas talian
11. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Puan Safura binti Shaaruddin
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urusetia
13. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. YBhg. Dato' Mohd Mohtar bin Mahamud
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
2. Puan Hasliza binti Khasim
Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Bahagian Akuakultur
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja G48
2. Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Setiausaha Bersama
Pegawai Perikanan G41
3. Encik Mohd Azrul bin Mahmud
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44)
4. Encik Mat Arif bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
5. Encik Mohd Mustakim bin Baharom
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir Gred N19 / N26)
6. Puan Noraini Binti Md Nor
Cawangan Pengurusan Maklumat
Juruteknik Komputer / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Pegawai Teknologi
Maklumat Gred FT19/F26, FA29/38 & F41/F48
7. Puan Roslana Binti Zainal - Hadir atas talian
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)
8. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. Encik Magenthiran A/L Tharmalingam
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26
2. Puan Nik Rohimah Binti Kadir
Pejabat Perikanan Daerah Besut, Terengganu
Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32) & Pegawai Kader DOF

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

1.1. YBhg. Datuk Haji Mohd Sufian bin Sulaiman sebagai Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga mengalu-alukan kehadiran wakil pengurusan dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak secara atas talian.

Tindakan: Makluman

1.2. YBhg. Datuk Pengerusi menyentuh berkenaan kepimpinan baharu yang telah dan bakal dilantik menyusuli PRU-15 dan memohon warga Jabatan untuk memberi kerjasama yang baik sebagai penjawat awam.

Tindakan: Makluman

1.3. YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ kali ini merupakan sesi yang terkahir bagi tahun 2022 dan memohon pihak pekerja dan juga pihak pengurusan untuk meneruskan kerjasama yang telah dilaksanakan sepanjang tahun agar kebajikan pekerja terpelihara.

Tindakan: Makluman

UCAPAN ALUAN WAKIL NAIB Pengerusi MBJ

1.1. Naib Pengerusi MBJ, Puan Anis Mazidah binti Abd Samad mengucapkan salam dan terima kasih kepada pihak pengurusan dan ahli yang hadir serta memaklumkan amat berbesar hati kerana sesi ini merupakan sesi pertama mesyuarat MBJ dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan bagi tahun ini. Beliau juga mengucapkan tahniah atas pelantikan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-sepuluh Malaysia;

Tindakan: Makluman

1.2. Naib Pengerusi MBJ memaklumkan bahawa bagi sesi ini barisan wakil pekerja membawa cadangan pindaan pada Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan untuk dibincangkan bersama.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 2 TAHUN 2022

3.1. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2022 diusul untuk disahkan tanpa pindaan oleh Puan Shamila binti Zainon dan telah disokong oleh Puan Safura binti Shaaruddin.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1. Urusan Parkir di Ibu Pejabat

4.1.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKP telah menghantar surat teguran kepada Adden beserta Salinan kepada Bahagian Pentadniran MAFI berkenaan isu kenderaan syarikat yang mengganggu lalu lintas di parker LG. BKP akan membuat pengumuman sekiranya terdapat kenderaan yang menghalang lalintas di kawasan parkir untuk diambil tindakan oleh kakitangan berkenaan.

Tindakan: Makluman

4.2. Ketetapan Spesifikasi Pakaian Seragam (Penguatkuasa)

4.2.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKOPP telah menyelaraskan dan mengambil kira pemakaian seragam bagi semua anggota di bawah skop tugas BKOPP.

Tindakan: Makluman

4.3. Sesi Penerangan Urusan Penambahbaikan Skim Pembantu Perikanan Gred G19 ke Penolong Pegawai Perikanan Gred G29

4.3.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa dokumen FAQ telah diedarkan melalui emel pada 26 September 2022 dan dimuat naik ke dalam laman web pada 11 November 2022 untuk rujukan kakitangan.

Tindakan: Makluman

4.3.2. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa satu (1) sesi penerangan laluan kerjaya Pegawai Perikanan Gred G44 telah dilaksanakan pada 23 November 2022 secara atas talian bersama pihak BKP dan BPMI manakala cadangan tarikh untuk pelaksanaan sesi penerangan laluan kerjaya kepada Kumpulan Pembantu Perikanan akan dicadangkan kepada BKP kelak.

Tindakan: Wakil Pekerja

4.4. Penetapan *Time Frame* bagi Urusan Penarafan Sijil Perikanan

4.4.1. Mesyuarat dimaklumkan bahawa semakan BPMI bersama pihak MQA mendapati bahawa terdapat program Pengkreditan Pembelajaran berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) yang ditawarkan seperti APEL A, C dan Q bagi membolehkan individu menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau mendapat pengecualian mata pelajaran di IPT. Satu (1) sesi taklimat Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) akan dianjurkan oleh BPMI bersama wakil Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 6 Disember 2022.

Tindakan: BPMI

4.5. Pindaan Perlembagaan MBJ

4.5.1. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Pekerja mencadangkan pindaan perlembagaan MBJ diperluas untuk merangkumi keseluruhan Jabatan Perikanan Malaysia dengan mengambil kira keperluan seperti berikut:

- a) Memastikan MBJ dilaksanakan dengan teratur serta seragam di peringkat PTJ memandangkan terdapat negeri yang tidak mempunyai perjawatan Gred G48;
- b) Menimbangkan cadangan untuk penubuhan MBJ di peringkat Semenanjung dan JPLS memandangkan wilayah Sarawak yang besar atau penubuhan MBJ merangkumi keseluruhan Jabatan Perikanan Malaysia

Tindakan: Makluman

4.5.2. Setiausaha MBJ memaklumkan bahawa berdasarkan pekeliling sedia ada (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2020 - Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam - Majlis Bersama Jabatan), Semua jabatan kerajaan yang mengendalikan secara langsung urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan hal ehwal kewangan perlu menubuhkan MBJ. Syarat penubuhan ini tidak terikat dengan jumlah kakitangan di sesebuah jabatan.

Tindakan: Makluman

4.5.3. Dalam konteks Jabatan Perikanan, hal ehwal pentadbiran, sumber manusia adalah di bawah Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan. Pelaporan MBJ bagi Jabatan Perikanan adalah di peringkat Ibu Pejabat dan pada masa ini hanya Perlembagaan MBJ Ibu Pejabat Jabatan Perikanan sahaja yang telah diluluskan di peringkat Kementerian dan JPA dan dianggap sebagai MBJ yang sah. Sehubungan dengan itu, adalah baik sekiranya hanya satu sahaja MBJ diselaraskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia keseluruhannya kecuali bagi Negeri Sabah.

Tindakan: Makluman

5. ISU WAKIL PEKERJA

5.1 Wakil Pekerja memaklumkan bahawa terdapat sebanyak dua puluh empat (24) usul yang telah disemak untuk dibentangkan kepada Majlis. Senarai usul / isu yang dikemukakan boleh dirujuk di **Lampiran A**.

5.1.1 **Naik Taraf Perjawatan Pembantu Perikanan Gred G19 di PPD Kucing dan Santubong ke Gred G22**

- i. Pihak Pekerja memohon bahawa perjawatan Pembantu Perikanan Gred G19 di Kucing dan Santubong (Pelesenan) dinaik taraf kepada Gred G22 iaitu setara dengan daerah lain di Wilayah I Sarawak.

Tindakan: Makluman

- ii. Majlis dimaklumkan bagi urusan naik taraf Gred G19 kepada Gred G22 akan melibatkan *trade off* perjawatan. Selain itu, YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan tiada halangan dari pihak pengurusan sekiranya JPLS memilih untuk melaksanakan penyusunan semula (*redeployment*) Gred G22 dan Gred G19 sedia ada bagi memenuhi keperluan di daerah dan dimohon pihak JPLS untuk mengemaskini carta organisasi serta memaklumkan kepada ibu pejabat sekiranya terdapat perubahan pada kedudukan kakitangan.

Tindakan: JPLS

5.1.2 Pelantikan Pakar / Tenaga Pengajar Dari Kalangan Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 ke atas

- i. Wakil Pengurusan JPLS Puan Liza binti Long menerangkan bahawa usul ini adalah dari wakil Pembantu Perikanan Gred G19 yang bertugas di cawangan pengembangan yang dilantik sebagai pakar pukat dan pakar peralatan bagi meningkatkan pengetahuan sebagai tenaga pengajar kepada kumpulan sasar. Selain itu, pelantikan pakar pukat/peralatan juga dilantik daripada kakitangan G19 dan G29 di daerah bagi membantu urusan kes-kes siasatan di mahkamah. Pelantikan G19 sebagai pakar adalah bagi membantu mengurangkan kebergantungan kepada kakitangan G29 sebagai Ketua Daerah dan mengelakkan kerja-kerja hakiki terganggu. Selain itu juga, terdapat kebergantungan yang tinggi dari pihak APMM kepada Jabatan Perikanan bagi perkhidmatan pakar di mahkamah.

Tindakan: Makluman

- ii. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan perkara yang perlu diberi kepentingan adalah Jabatan mempunyai pakar rujukan tidak kira sekiranya pelantikan pakar tersebut adalah dalam kalangan Gred G19 atau G29. Justeru, pihak JPLS perlu mengenal pasti bilangan dan juga kakitangan yang sesuai untuk menjalani kursus-kursus yang berkenaan untuk dijadikan sebagai pakar. YBhg. Datuk juga memaklumkan bahawa APMM telah memohon kepada Jabatan untuk menghasilkan pakar tersendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada kakitangan Jabatan Perikanan.

Tindakan: Makluman

5.1.3 Peluang Kursus Di Luar Negara Dibuka Kepada Kumpulan Sokongan

- i. Wakil pekerja mengusulkan bahawa peluang menghadiri kursus-kursus di luar negara dibuka kepada kumpulan sokongan kerana menjadi barisan hadapan Jabatan.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak BPMI juga memaklumkan terdapat kursus yang disampaikan oleh tenaga pengajar dari luar negara yang terbuka kepada semua lapisan Gred sekiranya ada yang berminat. Pada masa ini, sekiranya ada kursus yang ditaja dari pihak luar, semua pegawai termasuk kumpulan sokongan boleh memohon.

Tindakan: Makluman

- iii. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa Jabatan mempertimbangkan peluang untuk mengikuti kursus di luar negara bagi semua lapisan Gred bergantung pada pencalonan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan sekiranya kursus itu adalah berkaitan dengan kerja hakiki pegawai.

Tindakan: Makluman

5.1.4 Penambahan Perjawatan G26 dan G28 di Pejabat Perikanan Daerah, Sarawak

- i. Wakil Pekerja mengusulkan penambahan perjawatan G26 dan G28 di Sarawak memandangkan wilayah pentadbiran yang luas.

Tindakan: Makluman

- ii. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bagi Gred G26, jawatan boleh diisi secara TBK2 iaitu setelah 13 tahun pada Gred G22. Walaubagaimanapun, Gred G28 hanya boleh diisi melalui urusan pemangkuan. Jabatan mengambil maklum berkenaan permohonan penambahan bilangan perjawatan Gred G28 untuk dipertimbangkan penstrukturan organisasi yang akan datang sekiranya Jabatan menunjukkan prestasi yang baik.

Tindakan: Makluman

5.1.5 **Elaun Tanggung Kerja bagi Pegawai yang Melaksanakan Perjawatan Lain / Kerja-Kerja Kewangan**

- i. Wakil Pekerja mengusulkan bahawa pegawai yang melaksanakan tugas perjawatan lain diberi elaun tanggung kerja dan juga elaun diberikan pada kakitangan bukan kewangan yang menjalankan tugas-tugas kewangan seperti e-Perolehan dan Sebut Harga.

Tindakan: Makluman

- ii. Majlis dimaklumkan bahawa tiada halangan pembayaran elaun tanggung kerja sekiranya pegawai melaksanakan tugas jawatan kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Walaubagaimanapun bagi tugas *multi-tasking* adalah tidak layak untuk dibayar elaun tanggung kerja.

Tindakan: Makluman

- iii. Bagi elaun kerja-kerja kewangan oleh pegawai bukan kewangan, Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) adalah dibenarkan sekiranya menepati syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Dalam hal ini BKP memohon PTJ untuk mengenalpasti kakitangan yang benar-benar melaksanakan urusan kewangan sepenuh masa dan mengeluarkan surat arahan bagi mengelakkan permohonan yang terlalu ramai dari satu-satu PTJ. Kelulusan khas juga boleh dipertimbangkan bagi PTJ yang tidak mempunyai pegawai kewangan ataupun Pembantu Tadbir untuk melaksanakan kerja-kerja kewangan.

Tindakan: Makluman

- iv. Pihak Pekerja memohon BKP untuk meyelaraskan permohonan BITK bagi semua PTJ untuk memastikan kakitangan yang layak untuk dibayar elaun.

Tindakan: BKP

5.1.6 **Penganugerahan Pingat *Long Service* oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi kakitangan yang layak**

- i. Wakil Pekerja mengusulkan penganugerahan Pingat *Long Service* oleh Kerajaan Negeri Sarawak diselaraskan mengikut tempoh kakitangan yang layak.

Tindakan: Makluman

- ii. Majlis dimaklumkan bahawa penganugerahan adalah berdasarkan kuota yang ditetapkan berdasarkan kawasan/daerah. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan tiada halangan dan sebarang sokongan terhadap permohonan akan diberikan kepada kakitangan yang layak.

Tindakan: Makluman

5.1.7 Penilaian SKT bagi Pembantu Laut Dilaksanakan oleh Kapten / Commanding Officer (CO) Kapal

- i. Wakil Pekerja mengusulkan bahawa penilaian SKT bagi Pembantu Laut dilaksanakan oleh Kapten atau CO Kapal.

Tindakan: BKOPP

- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah memaklumkan bahawa amalan penilaian bagi krew kapal adalah oleh CO kapal tetapi melibatkan yang Grednya lebih tinggi.

Tindakan: Makluman

- iii. Majlis dimaklumkan bahawa pihak JPLS telah melaksanakan penetapan penilaian SKT berdasarkan carta organisasi dan hierarki pelaporan tugas pegawai. Wakil Pekerja mencadangkan BKOPP untuk menyelaraskan penetapan penilaian bagi kumpulan ini di negeri berdasarkan carta organisasi dan hierarki pelaporan tugas.

Tindakan: BKOPP

5.1.8 Kursus Pengendalian Radio / Komunikasi Untuk Operator Wayarles

- i. Wakil pekerja mengusulkan satu kursus pengendalian radio / komunikasi dianjurkan oleh Jabatan terutamanya bagi lantikan baru Operator Wayarles.

Tindakan: Makluman

- ii. BPMI mengambil maklum keperluan tersebut dan akan berbincang bersama BKOPP bagi penganjuran kursus-kursus yang berkenaan.

Tindakan: Makluman

5.1.9 Pengisian Jawatan Kosong di JPLS Disegerakan

- i. Wakil pekerja memohon agar jawatan kosong di JPLS diisi dengan kadar segera bagi mengelakkan gangguan kepada pelaksanaan fungsi dan objektif Jabatan. Terdapat beberapa daerah yang masih ada pegawai yang menanggung kerja Ketua Daerah / Ketua Pusat dan ada jawatan yang telah kosong selama 7 tahun.

Tindakan: Makluman

- ii. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pengisian jawatan kenaikan pangkat yang kosong di JPLS telah diambil maklum dan dilaksanakan berdasarkan '*trend*' semasa. Walaubagaimanapun, kakitangan yang ditempatkan tidak kekal lama dan sering bertukar. Keutamaan bagi pengisian perjawatan di JPLS akan diberikan kepada kakitangan berasal dari negeri Sarawak bagi mengelakkan penempatan yang sering bertukar.

Tindakan: Makluman

5.1.10 Kelonggaran Syarat Penyediaan Makan Minum bagi Pegawai Bekerja di Lapangan

- i. Wakil pekerja memohon agar kelonggaran dibenarkan bagi penyediaan makan minum mesyuarat terutama untuk golongan Ketua Daerah kerana kerap kali perlu mengeluarkan perbelanjaan sendiri apabila menerima lawatan atau mesyuarat bersama pihak luar yang tidak melibatkan Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan bahawa bagi urusan tugas rasmi di lapangan seperti pemeriksaan vesel, bukan menjadi satu kewajipan bagi pihak tuan rumah untuk menyediakan makan minum kerana telah diberi kemudahan tuntutan menjalankan tugas rasmi. Walaubagaimanapun, kelonggaran dibenarkan bagi kes-kes tertentu yang melibatkan jemputan luar. YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan bagi urusan mesyuarat, PTJ hendaklah mematuhi pekeliiling dan peraturan yang berkuatkuasa dan sekiranya terdapat keperluan melibatkan jemputan luar, boleh memohon pengecualian tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

Tindakan: Makluman

5.1.11 Kelulusan Penganjuran Program di Hotel dilaksanakan melalui Penurunan Kuasa kepada Pengarah Negeri

- i. Wakil pekerja memohon agar kelulusan untuk melaksanakan program di hotel dapat disemak semula iaitu syarat sedia ada yang memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Perikanan bagi memudahkan urusan.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan bahawa penetapan kelulusan diberi kepada Ketua Pengarah Perikanan adalah sebagai kawalan dan keseimbangan perbelanjaan peruntukan di peringkat PTJ terutamanya apabila terdapat kekangan peruntukan yang terhad. Kawalan ini juga adalah sebagai kawalan penjimatan bagi mematuhi beberapa pekeliling lain yang berkuatkuasa. Walaubagaimanapun, YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa halangan bagi meluluskan permohonan melaksanakan program di hotel sekiranya peruntukan mencukupi. Kelulusan tersebut perlu dimohon oleh setiap PTJ termasuk Bahagian di Ibu Pejabat sekiranya peruntukan mencukupi.

Tindakan: Makluman

5.1.12 Status Kenaikan Pangkat Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

- i. Wakil pekerja memohon status kenaikan pangkat TBK Gred G26.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Personel memaklumkan bahawa iklan bagi urusan TBK dikeluarkan setiap tahun. Walaubagaimanapun, sekiranya permohonan diterima melepasi tempoh yang telah diiklankan oleh urusetia, kertas permohonan akan di bawa ke hadapan pada tarikh Lembaga yang baharu. PTJ boleh merujuk kepada Seksyen Naik Pangkat, Prestasi & HRMIS untuk menyemak nama-nama pegawai yang telah mengemukakan permohonan / layak untuk pertimbangan.

Tindakan: BKP (Caw. Personel)

5.1.13 Wang Pendahuluan bagi Urusan Melaksanakan Kerja Rasmi di Luar

- i. Wakil pekerja memohon agar wang pendahuluan boleh diberi kepada kakitangan yang akan menjalankan tugas rasmi di luar, terutamanya pada golongan pemandu.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan bahawa permohonan wang pendahuluan adalah dibenarkan, walaubagaimanapun proses ini mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu kerana memerlukan kelulusan dari pihak Kementerian. Bagi urusan penginapan di hotel boleh menggunakan kaedah LO.

Tindakan: Makluman

- iii. YBhg. Datuk Pengerusi memohon Cawangan Kewangan untuk mengenalpasti kaedah permohonan wang pendahuluan yang diamalkan di Kementerian dan juga agensi-agensi lain sekiranya terdapat kaedah tertentu untuk memudahkan permohonan tersebut dilaksanakan.

Tindakan: BKP (Caw. Kewangan)

5.1.14 Elaun Pemandu Yang Diberi Kuasa

- i. Wakil pekerja memohon bahawa elaun dibayar pada pemandu yang telah diberi kuasa.

Tindakan: Makluman

- ii. Pihak JPLS mamklumkan bahawa urusan ini telah pun dilaksanakan di PTJ bagi pemandu yang diberi kuasa.

Tindakan: Makluman

5.1.15 Kemudahan Membeli Alat Komunikasi Mudah Alih / Membayar Bil Telefon bagi Pegawai Gred 48

- i. Wakil pekerja memohon untuk pegawai Gred 48 ke atas untuk mendapatkan kemudahan untuk membuat pembelian telefon dan tuntutan bil telefon melalui Bahagian / PTJ masing-masing.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Personel memaklumkan, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP2.2, bagi pegawai Gred 47 hingga 52 yang ingin memohon untuk menggunakan kemudahan ini perlu mendapatkan kelulusan dari Pegawai Pengawal iaitu Ketua Setiausaha Kementerian.

Tindakan: Makluman

5.1.16 Penghargaan bagi Pegawai yang Berkhidmat 25 Tahun ke Atas

- i. Wakil pekerja mengusulkan agar diadakan program penghargaan kepada kakitangan yang berkhidmat 25 tahun ke atas. Naib Pengerusi mencadangkan agar penghargaan tersebut dapat dilaksanakan bersama penganjuran majlis rasmi lain seperti Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Tindakan: Makluman

- ii. Ketua Cawangan Kewangan memaklumkan bahawa Jabatan perlu juga mengambil kira implikasi kewangan seperti kos percetakan dan juga penganjuran majlis yang tidak terkandung di dalam mana-mana pekeliling berbeza dengan penganjuran Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Majlis Persaraan.

Tindakan: Makluman

- iii. YBhg. Datuk Pengerusi, memaklumkan perkara ini boleh dipertimbangkan dan memohon BPPI untuk mengenalpasti kaedah yang sesuai bagi pelaksanaannya program tersebut.

Tindakan: BPPI

5.1.17 Pengambilan Pemandu Kenderaan

- i. Wakil Pekerja mengusulkan agar jawatan pemandu kenderaan diisi dengan segera kerana terdapat ramai pegawai yang telah bersara.

Tindakan: Makluman

- ii. Majlis dimaklumkan bahawa Jabatan baru sahaja menerima pada 03 Oktober 2022 seramai 15 orang.

Tindakan: Makluman

5.1.18 Pertambahan Perjawatan Penolong Pegawai Tadbir N29 atau Penolong Akauntan W29 di Institut Penyelidikan Perikanan

- i. Wakil pekerja memohon pertambahan perjawatan N29 atau W29 di Institut Penyelidikan Perikanan Gelang Patah.

Tindakan: Makluman

- ii. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa sekiranya pertambahan perjawatan ingin dilaksanakan, PTJ perlu mengemukakan justifikasi untuk dicadangkan melalui penstrukturan organisasi yang akan datang.

Tindakan: Makluman

6. HAL-HAL LAIN

6.1 Pembentangan Cadangan Pindaan Perlembagaan MBJ Jabatan Perikanan Malaysia

- i. Wakil Pekerja Encik Mohd Azrul bin Mahmud telah membentangkan cadangan pindaan pada Perlembagaan MBJ Jabatan seperti slaid di **Lampiran B** dan disertai pindaan / tambahan yang diusulkan oleh Ketua Cawangan Personel.

Tindakan: Makluman

- ii. YBhg. Datuk Pengerusi memohon penjelasan berkenaan kaedah pencalonan Wakil Pekerja dan sekiranya akan perlu ada wakil dari setiap negeri sekiranya Mesyuarat MBJ dipusatkan.

Tindakan: Makluman

- iii. Wakil Pekerja memaklumkan pencalonan adalah berdasarkan Skim dan Gred, di mana pegawai dilantik akan mewakili skim dan Gred berkenaan bagi seluruh Jabatan. Pemilihan wakil pula dilaksanakan oleh Pihak Pekerja melalui undian.

Tindakan: Makluman


- iv. YBhg. Datuk Pengerusi memohon Perlembagaan akhir yang telah dikemaskini disahkan di dalam Mesyuarat MPJP sebagai agenda Khas.

Tindakan: Urusetia, Wakil Pekerja

7. PENUTUP

YBrs. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

DISEDIAKAN OLEH:



(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(ENCIK MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia